

UJIAN 2




Masa: 60 minit

/50

A Pilih jawapan yang paling sesuai.


1. "Dayong-dayong semua, petang nanti temankan _____ bersiar-siar di taman," kata puteri bongsu Sultan Azlan.
- A patik
 - B hamba
 - C beta
 - D saya

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2. Telur-telur ayam yang berbentuk _____ disusun dengan cermat di dalam bekas telur.
- A bulat
 - B pipih
 - C leper
 - D bujur
3. Mak Minah _____ ikan-ikan yang disiangnya di bawah sinaran matahari untuk dibuat ikan kering.
- A jemuran
 - B menjemur
 - C terjemur
 - D dijemur

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah



4. Ayah sentiasa melihat _____ semasa memandu ke majlis perkahwinan anak rakan sekerjanya agar tidak tersalah jalan.
- A papan tulis
 - B papan lukis
 - C papan tanda
 - D papan kenyataan
5. Encik Tan : _____ serahkan kad undangan ini kepada ayah kamu. _____ kamu sekeluarga dapat menghadiri majlis itu nanti.
- Pei Fen : Baiklah, Pak Cik Tan.
- A Tolong...Jangan
 - B Tolong...Harap
 - C Usah...Minta
 - D Minta...Usah

6. _____ merupakan salah seorang tokoh pejuang kemerdekaan yang amat dikagumi.
 A Hamba
 B Mereka
 C Beliau
 D Dia
7. Pemandangan di perkampungan nelayan itu indah _____.
 A terlalu
 B paling
 C agak
 D nian
8. Encik Hafis berdoa _____ kedua-dua ibu bapanya yang sedang menunaikan haji sentiasa sihat.
 A semoga
 B sehingga
 C untuk
 D kerana
9. Pihak berkuasa _____ pokok kelapa yang sudah tua dan hampir tumbang itu demi keselamatan orang ramai.
 A menggugurkan
 B menggunting
 C menebang
 D mencencang
10. Pak Jah memotong tebu itu kepada empat _____ untuk diberikan kepada kanak-kanak yang bermain di situ.
 A ruas C kerat
 B ulas D ketul
11. Kami sekeluarga _____ kerana sebaik sahaja kami tiba di rumah Ming San, mereka sedang menjamu selera.
 A langkah seribu
 B langkah kanan
 C hati terbuka
 D besar hati
12. Tauke Ong ibarat _____ kerana menetapkan harga barang jualannya terlampau tinggi daripada harga asal.
 A lintah menghisap darah
 B bulan jatuh ke riba
 C anai-anai makan kayu
 D ayam berak kapur
13. Semangat yang kental perlu ada dalam diri kita untuk mencapai matlamat hidup.
 Pilih **perkataan antonim** bagi kental.
 A utuh
 B lesu
 C waja
 D rapuh
14. Pihak sekolah tidak mendedahkan nama murid yang terlibat dalam kes buli murid di asrama itu.
 Pilih **perkataan sinonim** bagi mendedahkan.
 A menyerahkan
 B merahsiakan
 C membongkar
 D menjelaskan
15. Pilih **ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul**.
 I Kakak berjaya lanjut pelajaran ke luar negara.
 II Walaupun usia datuk sudah agak lanjut, dia masih gemar berkebun.
 III Untuk mendapat keterangan lebih lanjut, sila berjumpa dengan pegawai yang bertugas.
 IV Sikapnya yang lanjut cakap terhadap orang lain menjadi buah mulut orang sekeliling.
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

16. "Sila pakai pelitup muka sebelum masuk ke dalam kedai," kata Arif kepada pelanggannya.

- A Arif meminta pelanggannya memakai pelitup muka sebelum masuk ke dalam kedai.
- B Pelanggan Arif meminta Arif memakai pelitup muka sebelum masuk ke dalam kedai.
- C Arif memakai pelitup muka sebelum masuk ke dalam kedai pelanggannya.
- D Pelanggan Arif enggan memakai pelitup muka sebelum masuk ke dalam kedainya.

17. *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.*

Mengapakah kamu tidak datang ke latihan bola baling semalam?

- A Saya sempat datang selepas diberitahu oleh ketua pasukan tadi.
- B Saya menghadiri seminar teknik menjawab soalan Matematik anjuran PIBG sekolah.
- C Ya. Saya tidak datang ke latihan bola baling semalam.
- D Saya berharap agar latihan itu dijalankan pada masa akan datang.

18. *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.*

Kesempitan hidup keluarganya menjadi pendorong utama kepada Aina untuk belajar bersungguh-sungguh.

- A Mengapakah kesempitan hidup keluarga menjadi pendorong utama kepada Aina?
- B Apakah pendorong utama Aina untuk belajar bersungguh-sungguh?
- C Siapakah yang mendorong Aina untuk berjaya dalam pelajarannya?
- D Bagaimanakah Aina didorong untuk mencapai kejayaan dalam kehidupannya?

Soalan 19 dan 20

Pilih ayat yang betul.

19. I Kakak sudah berjanji untuk membeli saya sepasang seluar jeans.
II Rafiq memegang jawatan sebagai pengarah urusan pada syarikat itu.
III Kita mesti menghargai nilai-nilai ketimuran yang menjadi kebanggaan bangsa.
IV Jangan sesekali kita menderhakai orang tua kita yang banyak berjasa.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20. A Abang sedang melayari Internet sementara mendengar muzik.
B Ibu menyidai baju oleh ampaian di belakang rumah.
C Abang Farok menghadihi sepasang anting-anting pada Kak Alia.
D Majalah Wanita keluaran terbaharu itu telah habis saya baca sebentar tadi.